

23 AUG 1997

Mahathir-Soros

DR MAHATHIR TIADA HASRAT BERTEMU SOROS

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak berhasrat bertemu dengan pembiaya kewangan dan jutawan terkemuka Amerika Syarikat (AS) George Soros, yang dikatakan menjadi dalang di sebalik kejatuhan nilai Ringgit dan matawang beberapa negara Asia Tenggara sejak kebelakangan ini.

" Saya akan pergi ke Hong Kong tetapi saya tidak berhasrat untuk bertemu dengannya (Soros) ," kata beliau apabila ditanya oleh pemberita selepas melawat Kompleks Sukan Negara dan Perkampungan Sukan di sini.

Mengenai laporan yang Bank Dunia sedang mengatur pertemuan itu, beliau berkata: "Saya tidak pernah memberikan mandat kepada Bank Dunia untuk mengatur apa-apa."

Semalam, jurucakap Bank Dunia, Tim Cullen dilaporkan sebagai berkata di Hong Kong yang bank itu akan mengatur pertemuan antara Dr Mahathir dan Soros.

Dr Mahathir akan ke Hong Kong bulan depan kerana mesyuarat tiga hari Bank Dunia-Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang bermula pada 20 Sept ini.

ab bns

Dr Mahathir berkata Soros boleh membuat kenyataannya melalui media memandangkan Soros hanya mendengar beliau (Dr Mahathir) melalui media.

"Beliau hanya perlu mendengar saya melalui media, kemudian beliau boleh membuat kenyataan melalui media...Saya akan mendengarnya," kata beliau.

Ditanya sama ada wajar bagi Bank Dunia mengatur pertemuan itu, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak tahu apa hak mereka, mungkin cuba mensahihkan spekulasi manupulatif seperti itu?"

"Kita tidak menentang spekulasi, tetapi kita menentang manipulasi oleh mereka yang mempunyai wang... anda boleh menolaknya ke atas dan ke bawah dan membuat keuntungan atas titik peluh negara-negara membangun dan dalam proses itu , menjadikan negara-negara itu miskin," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, beliau bukan hanya berkata mengenai Malaysia sahaja kerana negara-negara lain juga terjejas kerana manupulasi seperti itu dan penduduk miskin negara-negara itu merana lebih lagi.

"Semua negara ini telah membina ekonomi mereka selama 40 tahun, dan orang moron (bebal) seperti Soros datang dengan duit yang banyak..."

"Moron ialah orang dari Moron, dia dipanggil moron, dan tempatnya dikenali sebagai Moronia," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, tiada siapa yang boleh berkata tindakan memporak-perandakan ekonomi sesebuah negara adalah perbuatan yang adil.

"Bagaimana boleh berkata ia adalah adil bagi memporak-perandakan ekonomi sesebuah negara. Jika itu adil, maka adalah lebih baik kita tidak maju sama sekali, mengapa membenarkan mereka menjatuhkan kita, kita menjatuhkan diri sendiri, kita boleh menjadi korup sejauh yang mungkin, bawa wang kita ke luar negara dan jadikan rakyat kita miskin.

"Saya lebih rela melihat rakyat Malaysia menjadi miskin kerana perbuatan sesama sendiri di sebalik orang-orang ini yang dengan banyak duit tetapi mahu mengambil kesempatan daripada yang miskin, prinsipnya tak betul.

"Apabila anda kaya anda bantu yang miskin...tetapi di sini, apabila anda kaya anda mencuri daripada yang miskin pula, dan itulah apa yang dilakukan oleh Soros, mencuri daripada miskin... tiada alasan munasabah baginya, ia satu jenayah," kata beliau.

Sementara itu, apabila diminta mengulas mengenai perjanjian antara Malaysia dan China untuk menggalakkan pusat-pusat kuasa di Asia dan Eropah, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak mahu dunia ini dikuasai oleh satu kuasa besar sahaja.

"Kita tak mahu kuasa besar yang tunggal, yang akan menindas dunia, kita mahu supaya ada persaingan antara negara-negara yang berkuasa itu, jadi pihak China bersetuju dengan kita.

"Kita harap kita diberi kebebasan untuk bercakap dengan siapa yang kita suka, ini kita nak bercakap dengan Jepun, dengan Korea Selatan pun tak bagi, dia boleh buat apa suka, kita tak boleh buat, saya pakai baju Melayu pun dia mengadu," katanya.

Semalam, Menteri Luar Abdullah Ahmad Badawi dilaporkan berkata, Malaysia dan China pada prinsipnya telah bersetuju untuk menggalakkan pusat-pusat kuasa di Asia dan Eropah demi memajukan masyarakat antarabangsa yang sihat kerana buat masa ini terlalu banyak tumpuan pada Amerika Syarikat.

Ini dicapai dalam pertemuan tertutup antara Dr Mahathir dan rakan sejawatannya dari China, Li Peng semalam. -- BERNAMA

AFY PR